



UUM
Universiti Utara Malaysia

NEWS HIGHLIGHTS

☐ STRAITS TIMES ☐ Utusan Malaysia ☐ Kosmo! ☒ BH
☐ Sinar ☐ Star ☐ Metro

Date: 10/4/2023 Page: 11

Israel manipulasi naratif antisemitisme tutup genosid di Gaza

Oleh Dr Mohd Nizam Mohd Shari
bhrencana@bh.com.my

Sejak Oktober 2023, dunia menyaksikan siri kekejaman berskala besar ke atas penduduk Palestin di Gaza yang menyaksikan pelbagai pelanggaran hak asasi manusia dan genosid. Namun, kritikan terhadap Israel sering dimanipulasikan sebagai antisemitisme yang menjadi pendekatan sistematik untuk membungkam suara antarabangsa.

Justeru, label antisemitisme oleh Israel bukan semata-mata mempertahankan komuniti Yahudi daripada diskriminasi, sebaliknya alat politik dan psikologi untuk melindungi dasar kolonialisme serta kekejaman ketenteraan di Palestin.

Realitinya, serangan Israel ke atas Gaza tidak boleh dianggap tindak balas defensif terhadap ancaman keselamatan. Laporan terkini menunjukkan penggunaan sistem senjata bersifat menghukum secara kolektif, termasuk bom berkuasa tinggi yang meruntuhkan bangunan kediaman bertingkat, peluru *Dense Inert Metal Explosive* (DIME) yang menghasilkan serpihan tajam untuk memaksimumkan kecederaan dan bom pembakar mengakibatkan kematian secara perlahan serta menyakitkan.

Serangan ke atas Hospital al-Nasr menggunakan bahan pembakar bukan sahaja bertujuan membunuh, bahkan untuk menyiksa secara sistematik.

Penderitaan bukan bersifat sampingan atau tidak sengaja, tetapi sebahagian strategi keseluru-

han yang direka untuk menundukkan dan memusnahkan semangat, akhirnya melenyapkan identiti rakyat Palestin.

Istilah antisemitisme secara asal merujuk kepada kebencian terhadap orang Yahudi sebagai kelompok etnik atau agama, diperluas secara strategik oleh kerajaan Israel untuk merangkumi sebarang kritikan terhadap dasar Zionis serta tindakan ketenteraan negara haram itu.

Strategi ini digunakan secara konsisten di institusi antarabangsa, termasuk universiti, parliamen, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan platform media.

Akibatnya, suara membela hak asasi rakyat Palestin sering didiamkan, dicemuh atau dikenakan tindakan disiplin atas dakwaan 'kebencian kaum'. Contohnya, beberapa ahli akademik dan pelajar di universiti tersohor di Amerika Syarikat (AS) disiasat kerana menunjukkan solidariti terhadap Gaza, termasuk melalui protes aman dan penulisan ilmiah.

Ini menjadikan ruang wacana antarabangsa semakin sempit dan kebenaran mengenai kekejaman Israel terus dikesampingkan.

Dalam menangani isu ini, negara Islam dan komuniti antarabangsa yang menjunjung prinsip keadilan sejagat mesti melaksanakan tindakan kolektif tegas dan berkesan.

Pertama, Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) perlu berperanan lebih aktif menyatukan suara diplomatik untuk mendesak penggantungan keahlian Israel di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan badan antarabangsa lain hingga sia-

satan bebas terhadap jenayah perang dapat dijalankan dan keadilan ditegakkan.

Kedua, negara Islam dan sekutunya harus mempertimbangkan langkah boikot acara sukan antarabangsa, termasuk Olimpik 2028 di AS dan Piala Dunia 2026, selagi keahlian Israel dalam badan sukan antarabangsa tidak digantung.

Ketiga, undang-undang antarabangsa berkaitan antisemitisme perlu diperhalusi semula. Definisi semasa diterima secara meluas melalui *International Holocaust Remembrance Alliance* (IHRA) memberi ruang kepada penyalahgunaan.

Ia perlu diteliti agar tidak menutup ruang kritikan terhadap pelanggaran hak asasi manusia dilakukan atas nama negara atau ideologi tertentu.

Keempat, pendidikan awam perlu digerakkan untuk meningkatkan kefahaman masyarakat bahawa penentangan terhadap kezaliman Israel bukanlah bentuk kebencian terhadap bangsa Yahudi, sebaliknya tuntutan terhadap keadilan dan hak hidup rakyat Palestin.

Kelima, sokongan terhadap kempen Boikot, Sekatan dan Pelucutan Pelaburan (BDS) perlu diperluas dalam kalangan masyarakat sivil dan sektor korporat.

Pendekatan ini memberi tekanan ekonomi dan reputasi kepada syarikat terbabit secara langsung atau tidak dalam penyokong mesin ketenteraan Israel.

Realiti di Gaza menuntut kepekaan dan tindakan segera masyarakat antarabangsa. Penggunaan naratif antisemitisme untuk menutup jenayah terhadap kemanusiaan adalah manipulasi moral dan politik berbahaya.



Pensyarah Kolej Perniagaan, Universiti Utara Malaysia (UUM)